

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 9 APRIL 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Rombongan MOSTI lawat Sri Pentas	Berita Harian
2	Minister visits Media Prima	New Straits Times
3	Cegah kemalangan babit kipas siling	Harian Metro
4	Bioekonomi pemangkin kepada peluang kekayaan baharu untuk Sabah – Musa Aman	Bernama.com
5	Gempa bumi kuat landa Pulau Tonga	Bernama.com

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN  
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 15  
TARIKH: 9 APRIL 2015 (KHAMIS)**

### **Rombongan MOSTI lawat Sri Pentas**

Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin (dua dari kanan) menyampaikan cenderamata kepada Pengerusi Media Prima Berhad, Tan Sri Johan Jaaffar, disaksikan Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, Datuk Mohammad Azlan Abdullah (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima, Ahmad Izham Omar pada kunjungan rasmi kakitangan Kementerian Sains

Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ke Sri Pentas di Bandar Utama Petaling Jaya, semalam. Seramai 83 kakitangan MOSTI melawat Sri Pentas untuk memahami lebih mendalam operasi Media Prima Berhad (Media Prima) sebagai organisasi media bersepada terbesar di Malaysia. Rombongan itu turut mendengar taklimat yang disampaikan oleh Johan.

[FOTO SURIANIE MOHD HANIF/BH]



KERATAN AKHBAR TEMPATAN  
NEW STRAITS TIMES (REGION) : MUKA SURAT 22  
TARIKH: 9 APRIL 2015 (KHAMIS)



**Datuk Dr Ewon Ebin** (left) being briefed by **Tan Sri Johan Jaaffar** at Media Prima Bhd yesterday. Pic by Surianie Mohd Hanif

## Minister visits Media Prima

**PETALING JAYA:** Science, Technology and Innovation (Mosti) Minister Datuk Dr Ewon Ebin visited Media Prima Bhd at Sri Pentas here yesterday.

"I believe this will establish and strengthen the relationship between Mosti and Media Prima Bhd. We also want to promote our products and services."

"Our new National Innovation Programme will be held soon and we will inform the public about it later," said Ewon after he visited the

radio station HotFM and studios.

More than 50 representatives of 28 Mosti agencies were at the event.

Also present were Media Prima Bhd chairman Tan Sri Johan Jaaffar, New Straits Times Press chief executive officer Datuk Mohammad Azlan Abdullah and Television Networks chief executive officer Ahmad Izham Omar, who is also the chief executive officer of Primeworks Studios Sdn Bhd, Media Prima Bhd.

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 46**  
**TARIKH : 9 APRIL 2015 (KHAMIS)**

## Cegah kemalangan babit kipas siling

**Shah Alam:** SIRIM Berhad dengan kerjasama syarikat pengeluar utama kipas siling Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad membangunkan satu standard industri SIRIM3: 2014 iaitu Kod Amalan Pemasangan dan Penyelenggaraan Kipas Siling bagi mengurangkan kemalangan.

Ia bagi menangani isu berkaitan pemasangan kipas siling tidak selamat oleh pekerja pemasangan atau pengguna yang boleh mengakibatkan beberapa kemalangan.

Presiden SIRIM Berhad, Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof berkata, tujuan standard itu dibangunkan adalah untuk memberi panduan yang betul dan menjamin keselamatan kepada pengguna di samping dapat mengurangkan kemalangan.

"Kami berharap kod amalan seperti ini dapat diperluaskan lagi kepada semua produk lain terutama dalam sektor pembuatan dan sektor kawal selia pada masa depan.

"Industri seperti ini memerlukan lebih banyak standard kod amalan untuk menjamin keselamatan contohnya seperti industri pembuatan kapal terbang Boeing yang mempunyai 39,000 standard kod amalan," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran SIRIM3: 2014, Kod

Amalan Pemasangan dan Penyelenggaraan Kipas Siling dan Seminar, di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Jabatan Kawal Selia Keselamatan Elektrik Suruhanjaya Tenaga, Elmi Anas dan Penolong Pengarah Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad Tooru Okano.

Sementara itu, Elmi yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga Datuk Ir Ahmad Fauzi Hasan berkata, pemasangan peralatan dengan betul dan selamat adalah sangat penting bagi mengelak bahaya yang boleh memberi kesan jangka panjang kepada ahli keluarga.



ELMI (kanan) bersama Dr Zainal Abidin (kiri) diiringi Pengurus Besar Kanan Pengurusan Piawaian Dan Penyelidikan Pusat SIRIM Berhad, Abdul Aziz Long (dua dari kanan) dan Tooru Okano (dua dari kiri) ketika pelancaran program Seminar SIRIM, semalam.



## **Bioekonomi Pemangkin Kepada Peluang Kekayaan Baharu Untuk Sabah - Musa Aman**

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Persidangan dan Pameran Bio Borneo 2015 bertema "Teknologi Berasaskan Bio Untuk Jana Kekayaan Menerusi Bioekonomi", akan berlangsung pada 20 hingga 21 April di Kota Kinabalu, Sabah.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman, berkata tema itu sejajar dengan perkembangan dan potensi pertumbuhan bioekonomi terbaru Sabah, dan menyifatkannya sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sumber ekonomi baharu yang mampu menjana kekayaan serta melonjak pendapatan rakyat dan negara keseluruhannya.

"Sejak pelancaran Koridor Pembangunan Sabah (SDC) pada 2008 sehingga November 2014, Sabah mencatatkan pelaburan terkumpul RM138 bilion.

"Kami mahu menambah angka pelaburan ini dengan jangkaan kemasukan lebih banyak pelaburan dalam bidang teknologi berasaskan bio," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh [Malaysian Biotechnology Corporation \(BiotechCorp\)](#) Selasa.

Bio Borneo dianjurkan bersama [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#), Biotechcorp, Autoriti Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDA), dan disokong oleh Pusat Biodiversiti Sabah.

Persidangan itu akan membincangkan topik seperti "Teknologi Berasaskan Bio: Apa yang Ditawarkan?", Penjanaan Kekayaan melalui Teknologi Industri Berasaskan Bio dan Langkah Ke Arah Pengkomersialan.

Musa dijangka melancarkan Bio Borneo 2015 dengan beberapa majlis penandatanganan memorandum persefahaman berkaitan bioteknologi turut akan berlangsung.

Bio Borneo sejak kebelakangan ini berperanan sebagai platform penyebaran maklumat mengenai usaha penyelidikan dan pembangunan bioekonomi semasa serta potensi perniagaan yang berkaitan selain perkongsian mengenai program dan pelaksanaan transformasi bioekonomi di Malaysia, dengan tumpuan utama kepada Borneo.

Persidangan tahunan itu, yang julung kali diadakan di Kuching, Sarawak pada 2012, dianjurkan silih berganti di antara Sabah dan Sarawak setiap tahun.

Acara itu merupakan sebahagian daripada usaha bioekonomi negara, menumpukan khususnya kepada pemasukan agenda inovasi bioteknologi di Kepulauan Borneo.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 8 APRIL 2015 (RABU)**



## **Gempa Bumi Kuat Landa Pulau Tonga**

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.3 pada skala Richter melanda Pulau Tonga pada pukul 8.46 pagi, Selasa.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan berkata gempa bumi itu berpusat di 931 km timur laut Laucala, Fiji dan 7,816 km tenggara Semporna, Sabah.

Gempa bumi itu tidak menimbulkan ancaman tsunami, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA